

Kementerian buat *road show* IKBN

Um- 17/3/2007

Oleh MARIATUL QATIAH ZAKARIA

MULAI 11 Mac lalu, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Liow Tiong Lai telah mengadakan *road show* Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) ke seluruh negara.

Road show itu akan dilancarkan hari ini di Wisma MCA Kuala Lumpur.

Road show pertama yang diadakan dengan kerjasama MCA dan agensi kerajaan lain akan bermula di Pejabat MCA Melaka.

Selain untuk menarik belia-belia Tionghua mengikuti latihan di IKBN, objektif *road show* ini antara lain adalah untuk mempromosikan program Latihan Kemahiran Vokasional di IKBN dan Institut Kemahiran Belia Tinggi Negara (IKTBN).

Negeri-negeri yang akan dijejajah ialah Kuala Terengganu, Terengganu; Kuantan, Pahang; KRM Puchong, Selangor; Johor; Seremban, Negeri Sembilan; Kota Kinabalu, Sabah; Alor Star,



LIOW TIONG LAI

Kedah; Pulau Pinang; Kangar, Perlis; Ipoh, Perak; Kuching, Sarawak; Kota Bharu, Kelantan dan Labuan, Wilayah Persekutuan.

Berdasarkan statistik KBS pada tahun 2006, ia menunjukkan permohonan tidak seimbang antara kaum yang termasuk ke

IKBN.

Daripada 15,000 permohonan untuk memasuki IKBN tahun lalu, permohonan belia Tionghua hanya sebanyak 45, 60 belia India dan selebihnya daripada kaum Melayu dan bumiputera yang lain.

Pada masa ini terdapat 14 buah IKBN dengan bilangan pelajar seramai 7,000 pelajar beroperasi di seluruh negara dan sebuah IKTBN yang terletak di Sepang, Selangor, yang mengadakan pengambilan dua kali setahun iaitu pada Januari dan Julai.

Sementara itu, lima buah IKBN telah dinaik taraf untuk melaksanakan program pensijilan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap I hingga IV.

IKBN Chembong, Negeri Sembilan yang terkenal dalam bidang automotif dijadikan sebagai Pusat Kecemerlangan IKBN turut menawarkan Diploma Teknologi.

Dalam pada itu IKBN-IKBN lain yang menawarkan pengkhususan lain ialah IKBN Pagoh,

Johor, bidang mekanikal; IKBN Bukit Mertajam, Pulau Pinang, bidang elektrik; IKBN Bachok, Kelantan, bidang kejuruteraan awam dan IKBN Alor Gajah, Melaka, bidang hospitaliti dan perhotelan.

Pelajar lulusan IKBN akan mendapat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Malaysia.

Bagi kursus elektrik pula pelajar akan mendapat sijil daripada Suruhanjaya Tenaga iaitu Sijil Tahap PW2 dan PW4.

Kursus-kursus bangunan serta penyaman udara *crain* operator pula sijil akan dikeluarkan oleh CIDB.

Selain kursus-kursus tersebut, IKBN turut mengeluarkan sijil landskap yang ditawarkan di IKBN Bachok, Kelantan; IKBN Dusun Tua, Selangor dan IKBN Kuala Perlis, Perlis.

Manakala bagi kursus fotografi hanya ditawarkan di IKBN Peretak, Kuala Kubu Bharu, Selangor.

Di samping itu bagi pelajar-

pelajar IKBN yang mempunyai diploma lanjutan yang memenuhi syarat-syarat tertentu mereka berkelayakan untuk melanjutkan pengajian peringkat ijazah di Universiti Kuala Lumpur.

Kurikulum di IKBN adalah 80 peratus meliputi kemahiran manakala 20 peratus lagi kursus bina insan yang meliputi kepimpinan, tatanegara, agama dan keusahawanan.

Bahasa Melayu dan Inggeris adalah medium pengajaran yang digunakan termasuk berkominikasi dengan para pelatih dalam bahasa Inggeris.

Selain menawarkan kursus kepada pelajar secara sepenuh masa, IKBN turut menawarkan kursus jangka pendek, kursus kepada agensi swasta pada hujung minggu serta program Citra kepada penduduk setempat seperti kursus bahasa Inggeris dan juga kursus komputer dan lain-lain kursus yang boleh dipelajari secara jangka pendek mengikut waktu lapang bagi mereka yang berminat.